



NAJIB bersama penjawat awam selepas majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-16 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

■ Peningkatan progresif tutup suara. Sumbang pihak label Malaysia negara gagal

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak terus menemipelak pihak yang mengatakan Malaysia sebuah negara gagal sedangkan pelbagai kejayaan berjaya dikecapi negara sehingga hari ini.

Perdana Menteri berkata, hasil gandingan mantap perkhidmatan awam dengan kerajaan, menyaksikan pada tahun lalu, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara mencatat pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.9 peratus, iaitu antara yang tertinggi di dunia.

Beliau seterusnya berkata, agensi penarafan antarabangsa, Moody's, Standard & Poor, Fitch Ratings juga mengekalkan penarafan kredit Malaysia dengan unjuran stabil pada skor A pada 2017.

Menurutnya, berdasarkan Indeks Daya Saing Global (GCI) 2017-2018 pula, menyenaraikan Malaysia sebagai negara ke-23 paling berdaya

saing daripada 137 negara dengan perkhidmatan awam Malaysia juga mendapat pengiktirafan antarabangsa.

"Antaranya, menerusi program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) pada Global Entrepreneurship Award (GEC) yang diadakan di Kuala Lumpur pada Disember tahun lalu di mana kita terpilih sebagai penerima 'Global Blue Ocean Shift Awards'," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-16 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, terkini, pada 28 Mac lalu, Syarikat Aramco milik Kerajaan Arab Saudi menyuntik dana pelaburan ke negara ini sebanyak AS\$7 bilion iaitu hampir RM30 bilion yang dijangka akan merancakkan pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini.

"Atas semua kejayaan

yang kita capai bersama ini, saya ingin bertanya, siapa kata kita negara yang gagal atau A Failed State?"

"Setahu saya, yang dikatakan gagal itu adalah apabila bina 'terowong tak siap-siap'... bila berlaku masalah banjir (Pulau Pinang), tapi minta bantuan kita dan penjawat awam jugalah yang kena diselesaikan. Jika itu tidak dikira gagal, nak cakap apa lagi?"

"Itu belum kira ada 'pemimpin utama pembangkang' dari sebuah negeri di utara Semenanjung, sanggup mempergunakan institusi pendidikan untuk tujuan politik dan 'terkinja-kinja' menyanyi lagu anti GST di hadapan kanak-kanak bagi menyemai kebencian terhadap Kerajaan Persekutuan.

"Biarlah dia dengan 'perangai macam tu', tetapi kita di pihak kerajaan, akan terus berusaha memperkasa dan memartabatkan institusi pendidikan di negara ini dan juga kepada golongan pendidiknya," katanya.

10⁹⁹
Paha Ayam Segar

3⁹⁹
Pir Gang China

11⁹⁹
Anggur Re Afrika Selatan

MEGA FRESH
Bebola Makanan Laut
900gm Beraneka

7⁹⁹

CAP TANGAN
Beras Huma
10kg

31⁹⁹

6 UNTUK
13⁹⁹
GOLD COIN
Krimer Manis Kopl & Teh Tarik
500gm

2³⁹

11⁹⁹

Colgate
Colgate
Colgate

14⁹⁹

COLGATE
Ubat Gigi (2 + 1) x 175gm.
Fresh Cool Mint/Great Regular Flavour

29⁹⁹

KUAT HARIMAU
Serkbuk Pencuci Pakai
3.8kg/4kg Beraneka

12⁹⁹